

543:  
MAHATHIR-CERAMAH

EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 7.30 MALAM INI.

1975

KUALA LUMPUR, 13 SEPTEMBER (BERNAMA)-MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA, SIJIL ATAU IJAZAH TIDAK BOLEH DIBERI NILAINYA YANG MUKTAMAD ATAS KEBOLEHAN SESAORANG ITU.

PERSEKOLAHAN FORMAL DAN IJAZAH ADALAH SATU DI ANTARA ASAS-ASAS YANG BANYAK BOLEH MENUNJUKKAN SUKATAN KEBOLEHANNYA.

"PEMEGANG IJAZAH BUKAN TENTU DAPAT MENJALANKAN TUGAS DENGAN BERJAYA. KITA CUMA BOLEH BERKATA BAHAWA KEMUNGKINAN IA BERJAYA ADALAH LEBIH DARIPADA YANG TIDAK BERIJAZAH," DR. MAHATHIR MENEGASKAN DALAM SATU CERAMAH TV MALAM INI YANG BERTAJUK "PELAJARAN DAN KITA".

MALAHAN, KATANYA, MUNGKIN IA LEBIH MUNDUR DARIPADA MEREKA YANG TIDAK BERIJAZAH.

DR. MAHATHIR BERKATA, PENAMATAN PERSEKOLAHAN BUKAN BERMAKNA KEGAGALAN TETAPI SEBENAR MENJADI CABARAN KERANA DENGAN TEKUN DAN USAHA KEJAYAAN MASIH BOLEH DICAPAI.

MENTERI ITU BERKATA DARI PENGALAMAN LAMPAU TERDAPAT BUKTI BAHAWA MASYARAKAT MENGANGGAP PERSEKOLAHAN FORMAL SEBAGAI STATUS SYMBOL DAN MEMBERI PENGHARGAAN YANG TERLALU SANGAT KEPADA SIJIL-SIJIL DAN IJAZAH-IJAZAH.

ANGGAPAN INI TELAH MEMBAWA KEPADA DESAKAN SUPAYA SAMADA MURID ITU ADA KEBOLEHAN ATAU TIDAK, MESTILAH MENERUSKAN PERSEKOLAHAN FORMAL MEREKA SERTA TIMBULNYA PENENTANGAN TERHADAP ANIKA JENIS UJIAN YANG DIADAKAN DI SEKOLAH-SEKOLAH. -- BERSAMBUNG HM 1652

544:  
MAHATHIR-CERAMAH 2 KUALA LUMPUR

138

DR. MAHATHIR JUGA MENYENTOH TENTANG TUJUAN PELAJARAN DAN PENUBUHAN SISTEM PELAJARAN DI SEKOLAH-SEKOLAH YANG DILAKUKAN SECARA BERPERINGKAT.

BELIAU JUGA BERKATA, JIKA MASYARAKAT DAPAT MENERIMA BAHAWA PENAMATAN PELAJARAN SECARA FORMAL TIDAK SEBENARNYA MENAMATKAN PELAJARAN SESAORANG ITU, MAKA MASALAH MURID YANG GAGAL MENERUSKAN PELAJARANNYA DIMANA-MANA PERINGKAT TIDAK PATUT MENGECEWAKAN SANGAT.

"MEREKA BOLEH MEMPERLUASKAN PELAJARAN MEREKA MELALUI PENGALAMAN KEHIDUPAN BIASA. MISALNYA, ANAK PANIAGA BOLEH BERKERJA DENGAN KELUARGANYA DI KEDAI ATAU APA SAJA TEMPAT PERNIAGAAN," KATANYA.

KATANYA: "APA YANG DIINGAT TALAH BAGI YANG RAJIN DAN SANGGUP BERUSAHA SENDIRI MENAMBAH PENGALAMAN, KEJAYAAN YANG CEMERLANG MASIH BOLEH DICAPAI.

"BUKAN SEMUA ORANG YANG BERJAYA DI DUNIA INI LULUS DARIPADA UNIVERSITI. LEBIH BANYAK DARIPADA MEREKA YANG BERJAYA DATANG DARI KUMPULAN YANG TIDAK DAPAT PERSEKOLAH FORMAL LEBIH DARIPADA PERINGKAT SEKOLAH RENDAH SAHAJA," TEGAS BELIAU. -- BERNAMA HM 1648